
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

First Semester Examination
Academic Session 2007/2008

October/November 2007

RPK 231 – Prinsip-Prinsip Perancangan

(Masa: 3 jam)

TERJEMAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pelajar dibenarkan menjawab semua soalan dalam Bahasa Inggeris ATAU Bahasa Malaysia.

Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.
(**BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B** hendaklah diikat secara **BERASINGAN**)

...2/-

- 2 -

BAHAGIAN A (OBJEKTIF)

1. Sektor utama Malaysia adalah:-
 - A. Pelancongan
 - B. Perindustrian
 - C. Pertanian
 - D. Bioteknologi

2. Gunatanah berikut mungkin boleh dibangunkan di kawasan "*Flood Plain*",
KECUALI:-
 - A. Taman Permainan
 - B. Kawasan tananam sayur-sayuran
 - C. Pondok rehat
 - D. Perumahan mangsa tsunami

3. Perancangan Koridor Utara merupakan contoh skop:-
 - A. pembangunan peringkat negeri
 - B. pembangunan peringkat wilayah
 - C. pembangunan peringkat persekutuan
 - D. pembangunan peringkat daerah

4. Kebenaran merancang juga dikenali sebagai kelulusan:-
 - A. Membangun
 - B. CF
 - C. Susunatur
 - D. Merekacipta

5. Akta Perancangan Bandar dan Wilayah adalah juga:-
 - A. Akta 76
 - B. Akta 172
 - C. Akta 133
 - D. Akta 156

....3/-

- 3 -

6. Salah satu dari kenyataan berikut tentang perancangan bandar adalah kurang tepat:-
- A. Pembangunan di Malaysia sering melupakan soal baikpulih.
 - B. Pembangunan bandar di Jepun sering dipengaruhi oleh sistem pengangkutan.
 - C. Projek PORR kini masih dalam peringkat perancangan di Pulau Pinang.
 - D. Pembangunan Mampan hanya mengambilkira kepentingan generasi masa depan.
7. Prinsip 'Ehsan' dalam merancang dapat digambarkan dalam kes berikut:-
- A. Meminta penduduk sama-sama membantu merancang pembangunan di sekitar mereka.
 - B. Mengadakan 10% lebih tanah lapang dari yang dipiawaikan,
 - C. Menyempitkan lorong belakang rumah dari yang sepatutnya apabila tidak diperlukan,
 - D. Mengadakan satu taman eksklusif untuk penghuni kondominium di atas bumbung bangunan,
8. Kerap kali petani-petani di utara semenanjung dinasihatkan tidak membakar jerami di sawah-sawah mereka kerana ia akan mengakibatkan kemalangan di Lebuhraya PLUS. Namun, berdasarkan kepada Prinsip Perancangan Sejagat, petani-petani tersebut tidak seharusnya dipersalahkan demi:-
- A. Menghormati budaya dan adat resam setempat
 - B. Menghormati kegunaan tanah yang lebih awal
 - C. Menghormati Kanun Tanah Negara
 - D. Menghormati Akta Pertanian Negara
9. Hasil perancangan yang baik harus mencapai matlamat berikut, **KECUALI:-**
- A. Corak pembangunan yang seimbang
 - B. Komuniti yang sihat
 - C. Tahap pertumbuhan ekonomi yang melampau
 - D. Alam sekitar yang bersih dan ceria
10. Halatuju pembangunan negara dipengaruhi oleh pelbagai pihak yang berkepentingan. Meskipun Pihak Berkuasa Tempatan mungkin berkuasa dalam menentukan bentuk pembangunan di sesuatu tempat di Malaysia, kuasa sebenar yang berpengaruh adalah:-
- A. Pengaruh ekonomi
 - B. pengaruh politik
 - C. Pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO)
 - D. Penduduk awam

....4/-

- 4 -

11. Dalam konsep perancangan Imaret, kegunaan yang terdapat di tengah-tengah adalah selalunya:-
 - A. Rumah-rumah persinggahan
 - B. Masjid
 - C. Institusi pendidikan
 - D. Institusi kebajikan

12. Fenomena penduduk sering melakukan bantahan terhadap pembangunan yang berlaku di sekeliling mereka menggambarkan sistem kelulusan pembangunan telah gagal mengesan kemungkinan timbulnya masalah khususnya pada peringkat:_____.
 - A. LCP
 - B. EIA
 - C. TOR
 - D. SIA

13. Apabila berlaku sesuatu kemalangan jalanraya yang mengakibatkan kehilangan nyawa yang besar, maka pihak tertentu akan segera memperkenalkan pelbagai syarat dan peraturan. Hal ini membayangkan sistem pengurusan yang berbentuk:-
 - A. Reaktif
 - B. Positif
 - C. Proaktif
 - D. Agresif

14. Pulau Pinang dan Melaka sedang dalam proses memohon untuk menjadi tapak warisan budaya dunia. Namun, penghapusan Akta Kawalan Sewa di Pulau Pinang telah menimbulkan masalah berikut, kecuali:-
 - A. Sewa melambung naik
 - B. Rumah-rumah lama terpaksa dirobohkan
 - C. Banyak rumah kedai lama bertukar kegunaannya
 - D. Penduduk berpindah dari pusat bandar ke luar

15. Berbeza dengan dekad-dekad yang lalu, pembuat-pembuat kereta di Jepun pada hari ini lebih bersaing untuk menunjukkan bahawa kereta-kereta buatan mereka:-
 - A. kurang mencemarkan alam sekitar
 - B. mempunyai rekabentuk yang paling moden
 - C. lebih murah
 - D. mempunyai keselamatan yang tinggi

....5/-

- 5 -

16. Dalam Akta Perancangan (Pindaan) telah memasukkan pindaan kepada skop dan istilah 'pemilik-pemilik sekitar' tapak pembangunan. Perubahan ini dilakukan terutamanya kerana:-
- i. Kadangkala tapak tidak mempunyai lot-lot sekitar
 - ii. Kesan pembangunan kadangkala turut dirasai oleh pemilik-pemilik yang berjauhan dari lot terbabit
 - iii. Kadangkala pemilik-pemilik lot sebelah gagal dikesan
 - iv. Kadangkala pemilik lot-lot sebelah adalah orang yang sama dengan pemilik lot yang ingin dibangun
- A. i & ii
 - B. ii & iii
 - C. i, ii, & iii
 - D. i, ii, iii, dan iv
17. Pengagihan sumber mengikut keutamaan tertentu seperti dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan adalah contoh prinsip:-
- A. perancangan peruntukan
 - B. perancangan inovatif
 - C. perancangan kemajmukan
 - D. perancangan komprehensif
18. Meskipun penting, penyertaan penduduk dalam proses perancangan sering dikesampingkan. Hal ini adalah kerana:-
- i. Wakil penduduk yang sebenarnya sukar dicari
 - ii. Berita tentang pembangunan boleh menimbulkan spekulasi
 - iii. Ia menyusahkan proses pembangunan
 - iv. Ia tidak diwajibkan dalam proses pembangunan di negara ini
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. i, ii, iii dan iv
19. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) perlu mengandungi aspek-aspek berikut **KECUALI**:-
- A. Maklumat infrastruktur dan kemudahan awam sekitar tapak cadangan
 - B. Perihal hakmilik tanah dan nama pemaju.
 - C. Senarai nama-nama pembeli projek yang bakal dibangun.
 - D. Komen serta pendapat dari jabatan-jabatan teknikal kerajaan.

....6/-

- 6 -

20. Berikut adalah pelan-pelan yang disediakan oleh perunding profesional semasa pemajuan projek **KECUALI**:-
- A. Pelan Ukur Aras dan Butiran
 - B. Pelan Bangunan dan Struktur
 - C. Pelan Susunatur Projek
 - D. Pelan Topografi
21. Daripada senarai berikut, yang manakah pelan-pelan yang disediakan oleh Perancang Bandar .
- A. Pelan Topografi dan Pelan Bangunan
 - B. Pelan Susunatur dan Pelan Konsep Pembangunan
 - C. Pelan Parit dan Saliran
 - D. Pelan Lalulintas dan Pelan Perspektif Projek.
22. Berikut adalah antara faktor yang mempengaruhi konflik antara perancangan bandar dengan pembangunan **KECUALI** :-
- A. Kehendak dan permintaan rakyat yang semakin meningkat
 - B. Pertumbuhan bandar yang terlalu cepat dan aktif
 - C. Kawasan perumahan terancang yang komprehensif
 - D. Piawai dan peraturan perancangan yang tidak dipatuhi.
23. Pilih kenyataan yang **tidak tepat** mengenai penyediaan infrastruktur domestik.
- A. Disediakan mengikut perancangan dan rekabentuk pakar runding.
 - B. Disalurkan dari infrastruktur utama.
 - C. Kos penyediaan infrastuktur dibiayai oleh kerajaan dan swasta.
 - D. Kawasan luar bandar diberi keutamaan bagi penyediaan infrastruktur domestik.
24. Kenyataan tidak tepat mengenai Laporan Cadangan Pemajuan.
- A. Memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Perancang Negeri membuat penilaian terhadap cadangan projek.
 - B. Mengandungi maklumat teknikal, gambar rajah dan pelan susunatur.
 - C. Analisis gunatanah dan potensi pembangunan.
 - D. Laporan disediakan mengikut kehendak masyarakat setempat.

....7/-

- 7 -

25. Peringkat penyediaan Infrastruktur terbahagi kepada Empat (4) peringkat berikut iaitu:-
- A. Dalam Perancangan, Pemulihan, Gantian Biasa, Semakan atau Tambahan
 - B. Gantian Biasa, Tahap Kritikal, Dalam Perancangan, Semakan atau Tambahan.
 - C. Gantian Domestik, Perancangan Awal, Tambahan, Pemulihan.
 - D. Perancangan Awal, Tambahan, Kritikal, Gantian Utama.
26. Permohonan Pelan Pembangunan adalah mengikut susunan berikut:-
- A. Kenalpasti 'TOR', Perlantikan Perunding, Penyediaan Pelan Teknikal.
 - B. Penyediaan Pelan Tapak, Perlantikan Perunding, Lawatan Tapak.
 - C. Kenalpasti 'TOR', Lawatan Tapak, Pelan Susunatur.
 - D. Pelan Susunatur, Lawatan Tapak, Perlantikan Perunding.
27. Perundangan Sistem Pelan Pembangunan yang diamalkan di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia mengarahkan penyediaan Pelan Struktur Negeri dan Pelan Tempatan Daerah. Arahan ini terdapat dalam:
- A. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172
 - B. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1986, Akta 172
 - C. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1986, Akta A933
 - D. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta A933
28. Antara fungsi Pelan Struktur adalah seperti di bawah.... **KECUALI:-**
- A. Menyediakan Rangkakerja Bagi Pelan-Pelan Susunatur
 - B. Menentukan Matlamat, Polisi dan Cadangan Umum
 - C. Mentafsir Dasar-Dasar Negara dan Wilayah
 - D. Menyediakan Panduan Bagi Kawalan Pembangunan
29. Fakta manakah yang **TIDAK** betul mengenai Pelan Struktur:
- A. Biasanya disediakan dahulu daripada Pelan Tempatan
 - B. Jangkamasa antara 15 hingga 20 tahun
 - C. Merupakan pelan perincian dan taktikal
 - D. Meliputi keseluruhan kawasan Negeri
30. Mengikut piawaian perancangan, jarak minimum antara persimpangan untuk **Jalan Cul-De-Sac** adalah:-
- A. 500 kaki
 - B. 400 kaki
 - C. 300 kaki
 - D. 150 kaki

....8/-

- 8 -

31. Keperluan ruang jalan (lorong) minimum untuk dua buah **basikal** berselisih adalah:-
- A. 6 kaki
 - B. 8 kaki
 - C. 10 kaki
 - D. 12 kaki
32. Salah satu **ciri** unit kejjiranan dalam Islam ialah ianya:-
- A. 44 buah rumah dari setiap penjuru
 - B. Masjid atau surau terletak di sebelah arah Qiblat
 - C. Tidak boleh dipisahkan oleh kawasan besar seperti jalan raya dan sungai
 - D. Kemudahan sekolah terletak di tengah unit kejjiranan
33. Kebanyakan bentuk atau konsep pembinaan bandar-bandar baru telah dibangunkan oleh:-
- A. Komponen gunatanah
 - B. Kawasan pusat bandar
 - C. Sistem rangkaian jalan raya dan pengangkutan
 - D. Susunatur tempat kediaman
34. Pembinaan masjid dan surau di Malaysia perlu menghadap qiblat. Arah qiblat adalah:-
- A. 270 darjah dari arah utara
 - B. 272 darjah dari arah utara
 - C. 290 darjah dari arah utara
 - D. 292 darjah dari arah utara
35. Keperluan penyediaan Pelan Fizikal Negara (RFN) terkandung dalam:-
- A. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pindaan 2001, Akta (A1129)
 - B. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Pindaan 1995, Akta (A1129)
 - C. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pindaan 2001, Akta (A933)
 - D. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Pindaan 1995, Akta (A933)

....9/-

- 9 -

36. Penyediaan Pelan Fizikal Negara (RFN) dipertanggung jawabkan kepada:-
- A. YAB Perdana Menteri Malaysia
 - B. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa setiap negeri Semenanjung Malaysia
 - C. Ketua Menteri atau Menteri Besar setiap negeri Semenanjung Malaysia
 - D. Ketua Pengarah Jabatan Perancang & Desa Semenanjung Malaysia
37. Mahallah (kejiranan) dalam perancangan bandar Islam mempunyai purata 60 unit rumah atau 300 orang penduduk dengan kemudahan komuniti utamanya seperti berikut**KECUALI:-**
- A. surau
 - B. sekolah dan kawasan permainan
 - C. kedai berpusat
 - D. tanah perkuburan
38. Apakah yang dimaksudkan dengan laluan "serpentine"?
- A. laluan berliku
 - B. laluan lurus
 - C. laluan bahaya
 - D. laluan licin
39. Apakah nama saintifik Daun Kari?
- A. *Phylodendrom sateri*
 - B. *Calathea lutea*
 - C. *Murraya koeniggi*
 - D. *Pterocarpus indicus*
40. Tumbuhan manakah yang boleh digunakan untuk mengusir nyamuk?
- A. Daun kari
 - B. Serai
 - C. Daun ketumbar
 - D. Bayam

...10/-

BAHAGIAN B Jawab semua soalan (60 MARKAH)**SILA GUNAKAN KERTAS BERASING UNTUK SETIAP SOALAN**

1. Penggunaan Sumber yang cekap' merupakan satu prinsip perancangan yang penting. Huraikan prinsip ini secara ringkas dengan memberi contoh.
(10 markah)
2. Memperolih dan menggunakan data yang tepat amatlah penting dalam perancangan. Huraikan secara ringkas data-data apakah yang perlu dikutip ketika dilakukan Analisa Tapak?
(10 markah)
3. Berikan **Tiga (3)** kategori utama infrastruktur fizikal di dalam pembangunan. Apakah aspek perlu diambil perhatian sekiranya pembangunan baru akan dilaksanakan di kawasan pulau.
(10 markah)
4. Laporan Cadangan Pemajuan hanya layak disediakan oleh Perancang Bandar bertauliah sahaja. Apakah sebabnya ?
(10 markah)
5. Apa yang dimaksudkan dengan **hierarki jalan raya**? Bincangkan kepentingannya dalam konteks perancangan bandar di Malaysia.
(10 markah)
6. Secara ringkas bincangkan bagaimana perancangan bandar di amalkan di negara kita?
(10 markah)

-ooo 0 ooo-